KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	01.06.22	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	TNB			

TNB import arang batu bernilai AS$3 bilion

MELAKA - Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menandatangani perjanjian import arang batu dengan pengeksport Indonesia yang melibatkan nilai berjumlah AS$3 bilion (AS$1=RM4.37) bagi tempoh tiga tahun.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, perjanjian itu bertujuan menjamin bekalan arang batu yang mencukupi selain memastikan pembekalan tenaga oleh TNB tidak terjejas.

"Pada awal Januari tahun ini, kerajaan Indonesia telah mengumumkan untuk menghentikan sementara eksport arang batu bagi memenuhi permintaan domestiknya sedangkan kira-kira 65 peratus arang batu yang diperlukan TNB diimport dari sana.

"Namun, pada minggu lepas, saya dan pengurusan tertinggi TNB telah ke Indonesia untuk berjumpa dengan pengeksport arang batu. Kita berjaya menandatangani perjanjian selama tiga tahun itu kerana mempunyai hubungan baik dengan mereka," katanya.

Beliau berkata selepas Majlis Perasmian Menara TNB Melaka di Pusat Dagangan Antarabangsa (MITC) Ayer Keroh pada Selasa.

Majlis berkenaan telah dirasmikan oleh Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Mohd Ali Rustam dan turut dihadiri oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Sulaiman Md Ali.

Mengulas selanjutnya, Takiyuddin berkata, selain Indonesia yang merupakan pengimport terbesar arang batu, TNB turut mendapatkan bekalan bahan itu dari Rusia dan Afrika Selatan. - *Bernama*